



GARIS PANDUAN PELAKSANAAN AUDIT DALAMAN ISO UPM BAGI TEMPOH SEMASA PERINTAH KAWALAN PERGERAKAN PEMULIHAN (PKPP)

1. Tujuan

- 1.1 Garis panduan ini disediakan sebagai rujukan kepada Timbalan Wakil Pengurusan (TWP) Peneraju Proses, TWP Pusat Tanggungjawab, Timbalan Penyelaras Audit (TPAD) dan pekerja Universiti Putra Malaysia (UPM) tentang pelaksanaan audit dalaman Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ISO 9001 dan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO/IEC 27001 dengan mengambil kira langkah-langkah bagi mengawal penularan jangkitan penyakit Coronavirus 2019 (COVID-19).
- 1.2 Garis panduan ini hendaklah dibaca bersama dengan:
 - (a) Panduan Pelaksanaan Audit Dalaman Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ISO 9001:2015 dan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO/IEC 27001:2013;
 - (b) Garis Panduan Pencegahan COVID-19 Universiti Putra Malaysia Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang terkini;
 - (c) Arahan Pentadbiran Bekerja di Pejabat dan Bekerja dari Rumah bagi Kumpulan Pengurusan dan Profesional (Bukan Akademik) dan Kumpulan Pelaksana UPM;
 - (d) Prosedur Kerja Selamat Pencegahan di Tempat Kerja oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia.

2. Latar belakang

- 2.1 Pelaksanaan Audit Dalaman ISO UPM iaitu Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ISO 9001 dan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO/IEC 27001 telah dirancang untuk dilaksanakan oleh Pusat tanggungjawab (PTJ) bermula 2 Mac hingga 15 Mei 2020. Walau bagaimanapun, tempoh pelaksanaan audit dalaman ini telah dilanjutkan sehingga 15 Julai 2020 selaras dengan pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa 1 hingga Fasa 4 oleh Kerajaan bermula 18 Mac 2020.

- 2.2 Seterusnya, Kerajaan telah melanjutkan tempoh PKP dan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) yang bermula pada 4 Mei 2020 dan perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) mulai 10 Jun 2020. Maka, tempoh pelaksanaan Audit Dalaman QMS dan ISMS di PTJ telah dilanjutkan sehingga 28 Ogos 2020 bagi memberi ruang PTJ untuk membuat persediaan audit dalaman di PTJ.

3. Tanggungjawab dan Tatacara Pencegahan

- 3.1 Tanggungjawab pekerja yang terlibat dalam pelaksanaan audit dalaman UPM dan tatacara pencegahan COVID-19 di tempat kerja perlu mematuhi Garis Panduan Pencegahan COVID-19 Universiti Putra Malaysia PKP yang terkini serta Prosedur Kerja Selamat Pencegahan di Tempat Kerja oleh Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia.

4. Pelaksanaan Audit Dalaman

- 4.1 Audit Dalaman ISO UPM dilaksana dengan merujuk kepada Panduan Pelaksanaan Audit Dalaman Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ISO 9001:2015 dan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO/IEC 27001:2013 yang telah dikeluarkan pada awal tahun 2020. Manakala, pelaksanaan audit dalaman yang perlu dilaksanakan oleh PTJ dalam tempoh PKPP dijelaskan dalam Garis Panduan Pelaksanaan Audit Dalaman ISO UPM bagi Tempoh Semasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) ini.
- 4.2 TWP PTJ atau TPAD perlu:
- (a) mendapatkan khidmat/berhubung semula dengan Ketua Juruaudit Dalaman Pusat Tanggungjawab (KJAD PTJ) bagi melaksanakan audit dalaman pada tarikh audit dalaman PTJ yang terkini;
 - (b) memaklumkan kepada Pusat Jaminan Kualiti (CQA) tarikh audit dalaman yang terkini dan nama Ketua Juruaudit Dalaman PTJ melalui emel ke cqa_bpq@upm.edu.my.
- 4.3 Mesyuarat Pembukaan Audit dan Mesyuarat Penutupan Audit Dalaman PTJ perlu dilaksanakan melalui kaedah/saluran yang bersesuaian dan mematuhi Garis Panduan (SOP) yang telah ditetapkan.

- 4.4 Juruaudit Dalaman boleh melaksanakan audit melalui:
- (a) Semakan dokumen (*Review*);
 - (b) Pemerhatian (*Observation*);
 - (c) Pengujian (*Testing*);
 - (d) Temubual (*Interview*). Temubual boleh dilaksanakan secara bersemuka atau atas talian mengikut keperluan.
- 4.5 Pekerja yang terlibat semasa audit dalaman PTJ perlulah:
- (a) Elakkan 3S (Sesak, Sempit dan Sembang dekat);
 - (b) Amalkan 3W (*Wash, Wear* dan *Warn*);
 - (c) Penjarakan sosial;
 - (d) Patuh kepada garis panduan (SOP) yang ditetapkan.

5. Penutup

Pelaksanaan Garis Panduan Pelaksanaan Audit Dalaman ISO UPM bagi Tempoh Semasa Perintah Kawalan Pergerakan Pemulihan (PKPP) ini diharap dapat memastikan pengurusan dan pelaksanaan audit dalaman ISO berjalan lancar. Semua PTJ di bawah skop pensijilan Sistem Pengurusan Kualiti (QMS) ISO 9001 dan Sistem Pengurusan Keselamatan Maklumat (ISMS) ISO/IEC 27001 hendaklah mematuhi garis panduan ini semasa melaksanakan audit dalaman.

Disediakan oleh:
Pusat Jaminan Kualiti (CQA)
10 Jun 2020